

17/06/2002

Pandangan Perhimpunan Agung Umno diambil kira

KUALA LUMPUR, Ahad - Sebarang kaedah pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah akan turut mengambil kira pandangan Perhimpunan Agung Umno, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir.

Selain itu, beliau berkata, jawatankuasa khas yang dipengerusikan Ketua Pengarah pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat diberi peluang membuat kajian terperinci bagi memastikan pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu berjalan lancar.

"Kita akan tunggu keputusan jawatankuasa dan perbahasan (pada Perhimpunan Agung Umno) nanti. Kementerian menyambut baik sebarang cadangan serta pandangan berhubung isu ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak tidak menjadikan perkara itu sebagai isu besar hingga mencetuskan kontroversi, sedangkan penggunaan bahasa dalam mata pelajaran berkenaan disarankan demi kepentingan pelajar Melayu sendiri.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi Berita Harian hari ini bagi mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan dilaksanakan serentak di sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, bukan setakat tahun satu saja.

Perdana Menteri hari ini dilaporkan berkata, pelaksanaan secara serentak itu perlu kerana jika bermula pada tahun satu saja, ia akan mengambil masa 11 tahun untuk menampakkan hasilnya. Dr Mahathir juga memberitahu beliau ada cara untuk melaksanakannya.

Saranan penggunaan bahasa itu dalam kedua-dua mata pelajaran berkenaan dikemukakan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada mesyuaratnya lalu, selepas menolak cadangan wujudkan sekolah aliran Inggeris.

Sejak itu, isu berkenaan mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk bantahan pertubuhan Melayu. Perkara itu juga akan dibahaskan pada persidangan agung Pemuda dan Wanita bermula Selasa ini, diikuti Perhimpunan Agung parti mulai Khamis.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam yakin pengajaran kedua-dua mata pelajaran berkenaan dalam Inggeris tidak akan menimbulkan masalah sekiranya pelbagai pihak memandang positif usaha kerajaan.

Beliau berkata, sikap takut, tunggu dan lihat hanya akan menyukarkan usaha menguasai bahasa Inggeris dan dua subjek berkenaan.

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye menyambut baik langkah untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai tahun depan.

Bagaimanapun Presiden Persatuan Linguistik Malaysia, Dr Awang Sariyan, mewakili sembilan badan bukan kerajaan (NGO) tetap tidak bersetuju dengan keputusan penggunaan bahasa Inggeris dalam dua subjek itu.

NGO itu ialah Persatuan Linguistik Malaysia, Persatuan Penterjemahan Malaysia, Akademik Sains Malaysia (Asasi), Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Persatuan Sejarah Malaysia.

"Kelemahan pelajar dalam bahasa Inggeris antaranya berpunca daripada kaedah pengajaran bahasa itu sendiri, kelengkapan makmal bahasa,

ketrampilan guru dan motivasi pelajar, katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, menyifatkan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik sebagai penerusan kepada penjajahan bahasa dan budaya.

Katanya, masyarakat perlu sedar bahawa sains dan teknologi dimulakan orang Islam dan banyak lagi istilahnya menggunakan istilah Islam.

(END)